

# SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3596-sambutan-hari-aya-aidilfitri-tentera-udara-diraja-malaysia](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3596-sambutan-hari-aya-aidilfitri-tentera-udara-diraja-malaysia)

KUALA LUMPUR, 27 Jun 2018 – Bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia berlangsung Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tentera Udara Diraja Malaysia. Acara yang diadakan pada setiap tahun ini dihadiri oleh pelbagai lapisan warga Tentera Udara Diraja Malaysia.



Majlis ini juga turut diserikan dengan kehadiran seramai 32 orang anak yatim dan asnaf dari Pusat Jagaan Amal Asyura, Sg Buloh, Selangor. Anak-anak yatim dan asnaf ini terdiri daripada 13 Lelaki serta 19 Perempuan yang berumur diantara 4 hingga 9 tahun.



Sambutan Hari Raya Tentera Udara Diraja Malaysia pada tahun ini turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran KDYMM Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Al Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.



Turut hadir pada majlis ini adalah Menteri Pertahanan Malaysia, YB Tuan Hj Mohamad bin Sabu, Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Halimi bin Abd Manaf, Panglima-panglima Perkhidmatan serta Mantan-mantan Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia.



Panglima Tentera Udara, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dan isteri, Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hajah Tengku Muhaini binti Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkesempatan beramah mesra bersama warga TUDM serta jemputan yang hadir. Panglima Tentera Udara dan isteri turut menyempurnakan pemberian sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada 32 anak-anak yatim dan asnaf dari Pusat Jagaan Amal Asyura.





